

01 APR 2000

Mahathir-Umno

PENCALONAN NAIB PRESIDEN KUBANG PASU BUKAN SATU INDIKATOR, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 1 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pencalonan bahagian Kubang Pasu bagi tiga jawatan naib presiden Umno bukanlah satu indikator bahawa itu adalah pilihan beliau yang harus diikuti oleh perwakilan ke perhimpunan agung parti Mei ini.

Presiden Umno itu berkata bahawa beliau tidak memberi sebarang arahan kepada bahagian itu berhubung pencalonan itu tetapi ia adalah keputusan perwakilan bahagian itu ketika mesyuarat itu.

"Mereka buat pilihan tanpa nasihat saya... kalau mereka tanya sayapun saya tidak akan beri (nasihat)," katanya kepada pemberita selepas menyambut kepulauan isteri beliau, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dari Iraq, di bilik Bunga Raya, lapangan terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang di sini.

Dr Mahathir, yang juga ketua Umno bahagian Kubang Pasu, berkata demikian ketika ditanya sama ada pencalonan bagi jawatan itu dengan restu beliau dan perlu diikuti oleh perwakilan apabila mengundi pada pemilihan parti nanti.

Umno bahagian Kubang Pasu pada mesuarat perwakilannya Khamis lepas mencalonkan penyandang Datuk Seri Najib Razak dan Tan Sri Muhammad Muhamad Taib dan Tan Sri Muhyiddin Yassin bagi jawatan Naib Presiden Umno.

Pemilihan bagi calon-calon jawatan itu dibuat menerusi undi sulit dan cadangan nama mereka itu datangnya daripada anggota perwakilan, bukan jawatankuasa bahagian berkenaan.

Selain tiga calon itu, nama-nama lain yang dicadangkan ialah Datuk Abdul Ghani Othman, Datuk Osu Sukam, Datuk Abu Hassan Omar, Tan Sri Mohd Isa Samad, Datuk Syed Hamid Albar, Datuk Dr Rais Yatim dan Datuk Tajol Rosli Ghazali.

Dr Mahathir berkata beliau tidak terlibat langsung dalam keputusan bahagian itu kerana cadangan pemilihan dibuat oleh perwakilan sendiri.

"Saya beri kertas undi saya, saya tidak tengok orang lain punya undi. Dalam hal ini saya berkecuali... saya tidak beri arahan atau apa-apa sebab itu mungkin dianggap arahan," katanya.

Apabila ditanya sama ada mereka yang dicalonkan bagi jawatan itu harus merasakan mereka adalah pilihan beliau, Dr Mahathir berkata perwakilan ke perhimpunan agung parti bebas untuk membuat pilihan masing-masing.

Berhubung laporan sebuah akhbar Singapura, Straits Times yang mengkritik Malaysia sebagai satu-satunya negara di Asia yang tidak mengalami perubahan kepimpinan pada dekad lalu, Dr Mahathir berkata: "Mereka bebas untuk membuat ulasan mengenai negara-negara lain."

Apabila ditanya sama ada wajar bagi kerajaan Malaysia mengetengahkan perkara itu, Perdana Menteri berkata: "Kami tidak memberi perhatian kepada perkara seumpama itu.

-- BERNAMA

ARA NMO